

SIARAN AKHBAR

16 November 2011
CBMR-5-RFI-23-XMAYA4-V1
UNTUK SIARAN SEGERA

INFRASTRUKTUR MAKLUMAT KRITIKAL NEGARA JALANI LATIH AMAL KRISIS SIBER (X-MAYA 4)

*Program latihan tahunan yang diadakan khusus bagi menilai keberkesanan
pengurusan krisis siber dan menguji kesiapsiagaan organisasi-organisasi
Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara.*

(PUTRAJAYA) – Sebagai sebuah negara yang pesat membangun, kebergantungan terhadap penggunaan teknologi dan *ICT* semakin meningkat di pelbagai sektor, baik swasta mahupun awam. Keadaan ini disokong oleh aktiviti penyimpanan data dan maklumat secara dalam talian (*online*) serta pelbagai bentuk transaksi yang dilakukan secara elektronik. Walaupun ini merupakan suatu perkembangan positif, tetapi ia juga membuka ruang kepada pelbagai bentuk ancaman siber. Justeru, pengurusan data dan maklumat serta aktiviti transaksi secara dalam talian (*online*) harus diselenggara dengan teliti dan berhemah oleh semua pihak.

Menyedari hakikat ini, Majlis Keselamatan Negara (MKN) dengan sokongan CyberSecurity Malaysia pada tahun ini, sekali lagi mengadakan latihan bagi menangani ancaman krisis siber, iaitu **Latih Amal Krisis Siber Negara 2011 (X-MAYA 4)**.

Latih amal krisis siber merupakan acara tahunan yang diadakan bagi mengenalpasti tahap kesiediaan dan kesiapsiagaan organisasi serta agensi Infrastruktur Maklumat Kritikal Negara (*Critical National Information Infrastructure – CNII*) dalam menghadapi pelbagai ancaman dan serangan siber. Latihan ini juga secara khusus bertujuan untuk menguji keberkesanan, mengenalpasti jurang serta menambahbaik Prosedur Komunikasi, Tindak balas dan Penyelarasan Pengurusan Krisis Siber Negara.

Latih Amal Krisis Siber Negara 2011 (X-MAYA 4) tahun ini diadakan pada 15 November 2011 dan telah disertai sejumlah **66** buah organisasi daripada 10 sektor *CNII* iaitu sektor Pertahanan & Keselamatan, Perbankan dan Kewangan, Maklumat dan Komunikasi, Tenaga, Air, Pengangkutan, Kesihatan, Makanan & Pertanian dan Perkhidmatan Kerajaan.

Jumlah penyertaan organisasi di dalam latih amal krisis siber pada tahun ini meningkat sebanyak **94** peratus berbanding hanya **34** buah organisasi pada tahun lepas. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan organisasi *CNII* kini semakin menyedari akan kepentingan menyertai program latih amal ini.

Menurut YB Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, “Peningkatan ancaman serta insiden siber kini membimbangkan. Sekiranya tidak ditangani dengan bijak, cekap dan secara persepadu, ia boleh memberi impak kepada pembangunan Negara, melumpuhkan ekonomi serta merosakkan imej Negara dan mengganggu fungsi kerajaan serta menjejaskan ketenteraman dan kesejahteraan awam.

Maka, kerjasama semua pihak adalah amat penting dalam mengendalikan isu serta pelaksanaan inisiatif berkaitan keselamatan siber”.

YB Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, (MOSTI) berkata demikian di majlis penutup **Latih Amal Krisis Siber Negara 2011 (X-MAYA 4)** yang berlangsung pada 16 November 2011 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya.

Dalam majlis yang sama, Y.Bhg. Datuk Mohamed Thajudeen Abdul Wahab, Setiausaha Majlis Keselamatan Negara menyatakan “ Kejadian serangan oleh kumpulan penggadam *anonymous* pada bulan Jun yang lalu telah berjaya ditangani dengan baik hasil daripada kerjasama yang dibentuk melalui latih amal sebelum ini. Kejayaan dalam menangani serangan ini dapat diterjemahkan melalui koordinasi antara agensi dalam memberikan maklumat dan maklumbalas, tindak balas dan respon yang cepat serta langkah-langkah pencegahan awal yang diambil oleh setiap agensi yang terlibat”.

Pada program **Latih Amal Krisis Siber Negara 2011 (X-MAYA 4)**, CyberSecurity Malaysia iaitu pusat pakar keselamatan siber nasional dan juga agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), sekali lagi diberi kepercayaan serta tanggungjawab untuk menyediakan infrastruktur serta nasihat teknikal sepanjang program latih amal ini berlangsung.

Latih Amal Krisis Siber Negara 2011 (X-MAYA 4) merupakan satu ujian menyeluruh terhadap infrastruktur maklumat awam dan swasta bagi memperkukuh kesiapsiagaan kecemasan negara dengan memastikan pelaksanaan mekanisme dan proses yang sesuai untuk pemantauan berkesan, pelaporan insiden dan tindakbalas, penyebaran maklumat dan komunikasi serta pengurusan kesinambungan perniagaan.

~ Tamat ~

CyberSecurity Malaysia is the national specialist centre for cyber security, under the purview of the Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI). For additional information, please visit our website at <http://www.cybersecurity.my>. For general inquiry, please email to: info@cybersecurity.my. Follow us on social networks: www.facebook.com (“CyberSecurity Malaysia” fan page) and www.twitter.com/cybersecuritymy

For further enquiries about this document, please feel free to call +603-89460999, Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 0895) or shamil@cybersecurity.my / Sandra Isnaji (ext: 0867) or sandra@cybersecurity.my